

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Hari Keselamatan Makanan Sedunia 2024

Kesiapsiagaan, kerjasama tangani isu ancaman keselamatan makanan

KKM harap kolaborasi semua pihak minimumkan kesan buruk kepada pengguna

Oleh Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perangkaan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) pada 2015 menganggarkan, lebih 200 penyakit bawaan makanan disebabkan 31 agen, termasuk bakteria, virus, parasit, toksin dan bahan kimia.

Ini mengakibatkan 600 juta kes atau hampir satu dalam 10 orang di dunia sakit setiap tahun selepas memakan makanan tercemar.

Ini juga memberi gambaran krisis penyakit bawaan makanan meruncing apabila sebahagian besar mangsa mengalami gejala cirit-birit teruk berpunca daripada mengambil makanan yang dicemari bakteria.

Menyedari risiko ancaman serta krisis keselamatan makanan yang boleh berlaku bila-bila masa, Hari Keselamatan Makanan Sedunia 2024 yang disambut pada 7 Jun ini mengangkat tema *Food Safety: Prepare for the Unexpected*.

Ia bagi menggalakkan kesiapsiagaan semua pihak dalam menangani isu

keselamatan makanan.

Ini merangkumi, perkongsian maklumat secara pantas kepada pihak berkuasa keselamatan makanan, mengenal pasti tahap dan sifat insiden yang boleh membawa kepada potensi wabak penyakit, seterusnya menyalurkan tindak balas yang boleh diambil pada peringkat antarabangsa.

Tema ini juga ingin memberi perhatian dan inspirasi kepada tindakan bagi mencegah, mengesan dan menguruskan risiko penyakit bawaan makanan.

Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan (KKM), Ts Norrani Eksan, berkata "Tema *'Food Safety: Prepare for the Unexpected'* yang dipilih pada tahun ini adalah bertepatan dengan ulang tahun ke-20 International Food Safety Authorities Network (INFOSAN) yang menggalakkan kesiapsiagaan dalam menangani isu keselamatan makanan.

Tangani ancaman

Beliau berkata, ini juga menunjukkan pentingnya semua pihak sentiasa dalam keadaan bersiap siaga bagi menangani risiko ini.

"Ini berikutan, ancaman serta krisis keselamatan makanan boleh berlaku pada bila-bila masa dan penting semua pihak sentiasa dalam keadaan bersiap siaga bagi menangani ancaman ini," katanya.

Norrani turut menegaskan, semua pihak perlu sentiasa bersiap siaga serta memberi respons

Pelan FSER yang berkesan sangat penting bagi mengurangkan serta menyingkirkan kesan yang terhasil akibat isu kecemasan atau krisis yang sedang berlaku

Ts Norrani Eksan,
Pengarah Kanan
Keselamatan
dan Kualiti
Makanan,
KKM



pantas ke atas isu keselamatan makanan, khususnya dalam menghadapi sebarang perkara tidak terjangka berkaitan keselamatan makanan.

"Bagaimanapun, isu keselamatan makanan bukan hanya disebabkan penyakit bawaan makanan, tetapi boleh berlaku disebabkan kejadian yang luar jangka seperti bencana alam dan kesusilaan manusia.

"Oleh itu, notifikasi isu keselamatan makanan yang diterima daripada platform maklumat agensi antarabangsa seperti INFOSAN dan European Union Rapid Alert System for Food and Feed (EURASFF) juga perlu ditangani dengan sistematik dalam memastikan keselamatan makanan di sepanjang rantaian makanan adalah sentiasa selamat untuk pengguna," katanya.

Katanya, di Malaysia, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM), KKM adalah pihak bertanggungjawab dalam kesiapsiagaan yang membabitkan isu kecemasan atau krisis keselamatan makanan.

"Ini termasuk komitmen dalam memperkukuhkan sistem kawalan keselamatan makanan, meningkatkan kapasiti penguatkuasaan serta pemantauan melalui penyelarasan bersama agensi berkaitan dan menggalakkan komunikasi yang lebih baik serta pendekatan yang lebih bersepadu dengan industri makanan dan orang awam.

"PKKM juga membangunkan dan mengemas kini Pelan *Food Safety Emergency Response (FSER)* sebagai panduan pengurusan kesiapsiagaan dalam menangani isu kecemasan atau krisis keselamatan makanan.

"Pelan FSER yang berkesan sangat penting bagi mengurangkan serta menyingkirkan kesan yang terhasil akibat isu kecemasan atau krisis yang sedang berlaku.

"Mudarat yang lebih besar juga boleh dielak dengan pengaktifan dan mengkoordinasi semua sumber yang ada untuk menangani isu kecemasan atau krisis dengan kadar segera," katanya.

Justeru, kata Norrani semua pihak termasuk kerajaan, industri, ahli akademik dan pengguna berperanan penting untuk turut berkolaborasi dan mengembeleng tenaga bagi mengurangkan risiko keselamatan makanan dalam kehidupan seharian.

Pada masa sama, katanya meminimumkan kesan buruk terhadap kesihatan pengguna kerana keselamatan makanan adalah tanggungjawab bersama. Beliau turut memberi contoh,

baru-baru ini, Malaysia dikejutkan dengan kejadian keracunan kupang di Port Dickson di mana KKM sedang bekerjasama dengan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi menangani isu ini.

"Berdasarkan kerjasama baik kedua-dua agensi ini, kes keracunan itu dapat dikawal dengan baik dalam tempoh masa yang singkat. KKM juga berpengalaman dalam menyelesaikan krisis keselamatan makanan global yang lain seperti isu melamin pada 2008 yang ditambah dengan sengaja dalam susu bagi meningkatkan kandungan protein nitrogen dalam susu.

"Kerjasama baik semua pihak berkepentingan dalam menangani isu melamin berjaya memastikan rakyat negara ini dapat dilindungi dari bahaya kesihatan tersebut," katanya.

Hari Keselamatan Makanan Sedunia

- Ditetapkan pada 7 Jun setiap tahun bermula pada 2019.

- Ia diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

- Melalui Hari Keselamatan Makanan Sedunia, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) meneruskan usaha meletakkan keselamatan makanan dalam agenda masyarakat dan mencegah penyakit bawaan makanan di peringkat global

Tema Hari Keselamatan Makanan Sedunia 2019 hingga 2024

2019: *Food Safety, Everyone's Business*

2020: *Safe Food in Market*

2021: *Safe Food Today for a Healthy Tomorrow*

2022: *Safer Food, Better Health*

2023: *Food Standards, Save Lives*

2024: *Food Safety: Prepare for the Unexpected*



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

Isu Program Parallel Pathway

KKM pinda Akta 50 perkemas proses iktiraf pakar

Kuala Lumpur: Pindaan Akta Perubatan 1971 (Akta 50) bertujuan menyelesaikan kemelut pendaftaran doktor perubatan yang mendapatkan kelayakan kepakaran melalui laluan paralel (parallel pathway) dan memperkemas proses pengiktirafan serta pendaftaran sebagai pakar perubatan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata Rang Undang-Undang (RUU) untuk pindaan itu dijangka dibentangkan pada sesi Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Parlimen Kelima Belas 2024 selepas diluluskan oleh Jemaah Menteri.

Katanya, sebuah Memorandum

Jemaah Menteri yang dikemukakan oleh beliau dan Menteri Pendidikan Tinggi mengenai cadangan pindaan Akta 50 sudah dipersetujui secara prinsip dalam mesyuarat Jemaah Menteri, kelmarin.

Jemaah Menteri juga cakna akan keperluan perkhidmatan kepakaran di semua fasiliti kesihatan yang semakin meningkat di seluruh negara.

"Laluan paralel yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan (KKM) dan program sarjana perubatan yang dilaksanakan oleh institusi pendidikan tinggi (IPT) tempatan berfungsi untuk melahirkan lebih ramai pakar bagi

memenuhi keperluan itu.

"Justeru, menerusi pindaan yang akan dibuat, kedua-dua laluan latihan kepakaran dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dari aspek perundangan,"

katanya menerusi kenyataan, kelmarin.

Sebelum itu, KKM kekal dengan pendirian untuk meminda Akta 50 mengenai Program Parallel Pathway (PPP), meskipun

Menerusi pindaan yang akan dibuat, kedua-dua laluan latihan kepakaran dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dari aspek perundangan



Dr Dzulkefly Ahmad,
Menteri Kesihatan

ada tentangan segelintir pihak.

Dr Dzulkefly berkata, pada masa sama, doktor yang sudah menyempurnakan mana-mana program seperti di atas akan dapat didaftarkan sebagai pakar perubatan dalam Daftar Pakar Kebangsaan (NSR) di bawah Majlis Perubatan Malaysia (MMC).

"Ini sekali gus membolehkan segala isu berbangkit diselesaikan segera dan KKM akan memastikan bahawa kualiti latihan dan perkhidmatan, kompetensi pengamal dan pakar perubatan serta aspek keselamatan pesakit tetap terjamin apabila pindaan ini dibuat nanti," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : LOKAL



PESAKIT jantung kanak-kanak mendapatkan rawatan menerusi Program Kebajikan Kardiotorasik Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) *Healing Little Heart* (HLH) yang ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) Surgikal Hospital USM.

PROGRAM KEBAJIKAN KARDIOTORASIK HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)-HLH

Sakit 90 kanak-kanak diubati

Kota Bharu

Lebih 90 kanak-kanak yang menghidap penyakit jantung kongenital di Kelantan dan Terengganu dibantu menerusi Program Kebajikan Kardiotorasik Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) dan *Healing Little Heart* (HLH) yang berpangkalan di United Kingdom (UK) sejak 2015.

Pakar Kardiologi Pediatrik USM Dr Mohd Rizal Mohd Zain berkata, mene-

rusi program itu pesakit kanak-kanak terpilih menjalani pembedahan di Hospital USM serta tidak lagi perlu dirujuk atau dihantar ke Institut Jantung Negara, sekali gus mengurangkan tempoh menunggu mendapatkan rawatan pembedahan jantung.

"Program Kebajikan Kardiotorasik Hospital USM-HLH ini bergerak atas dasar sukarela dengan mendapat bantuan kewangan melalui derma dan sumbangan orang ramai

melalui pertubuhan itu," katanya di sini, kelmarin.

Beliau berkata, bagi tahun ini, la-pan hingga 10 pesakit menjalani pembedahan bermula 2 Jun lepas dengan kerjasama pasukan perubatan HLH.

Menurutnya pasukan perubatan HLH disertai enam pakar melibatkan pakar be-

dah, intensivis, pakar kardiologi pediatrik, jururawat dan perfusionis yang bergabung dengan pakar dan petugas Hospital USM untuk menjayakan pembedahan itu.

"Kos perlu dibayar setiap pesakit terpilih untuk menjalani pembedahan bagi program ini sangat minimum iaitu kurang RM3,000. Bagaimanapun, kos sebenar melibatkan alatan dan uba-

tan setiap pesakit adalah lebih tinggi, ada yang mencecah lebih RM20,000 untuk setiap pesakit," katanya.

Seorang bapa pesakit, Othman Zakaria, 48, berkata bantuan menerusi program berkenaan menamatkan penantian anaknya Siti Nur Dayana berusia tujuh tahun untuk menjalani pembedahan jantung.

Katanya Siti Nur Dayana yang merupakan pelajar Sekolah Kebangsaan Tengku Mahmud 2, Besut, Te-

rerengganu menghidap penyakit jantung berlubang sejak lahir.

"Sebelum ini pembedahan terpaksa ditangguhkan kerana beberapa masalah antaranya faktor kewangan dan pandemik Covid-19."

"Kes anak saya pernah dirujuk ke IJN dan memerlukan kos RM10,000. Menerusi program ini, kos pembedahan belum dimaklumkan, tetapi kos perubatan serta perkhidmatan kurang RM3,000," katanya.

“Kos dibayar pesakit terpilih jalani pembedahan sangat minimum”
Dr Mohd Rizal Mohd Zain

Pindaan Akta 50 memudahkan doktor laluan paralel

Kuala Lumpur: Cadangan pindaan Akta Perubatan 1971 (Akta 50) bertujuan menyelesaikan kemelut pendaftaran doktor perubatan yang mendapatkan kelayakan kepakaran melalui laluan paralel atau paralel pathway serta memperkemas proses pengiktirafan dan pendaftaran pakar perubatan.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (*gambar*) berkata, cadangan pindaan akta itu dikemukakan oleh beliau dan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir menerusi

Memorandum Jemaah Menteri, kelmarin.

"Mesyuarat Jemaah Menteri bersetuju secara prinsip dengan cadangan ini. Rang Undang-undang untuk pindaan itu akan dibentangkan pada sesi Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Parlimen Ke-15 2024 setelah diluluskan oleh Jemaah Menteri," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Dzulkefly Jemaah Menteri juga cakna terhadap keperluan perkhidmatan kepakaran di semua fasiliti kesihatan semakin meningkat di seluruh negara.

Beliau berkata, laluan paralel dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan (KKM) dan program sarjana perubatan oleh institusi pendidikan tinggi (IPT) tempatan berfungsi

si melahirkan lebih ramai pakar bagi memenuhi keperluan itu.

Melalui pindaan terbabit beliau berkata, kedua-dua laluan latihan kepakaran dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dari aspek perundangan.

"Dengan itu juga, doktor yang sudah menyempurnakan mana-mana program seperti di atas akan dapat didaftarkan sebagai pakar perubatan



dalam Daftar Pakar Kebangsaan (NSR) di bawah Majlis Perubatan Malaysia (MMC). Ini sekali gus membolehkan segala isu berbangkit diselesaikan segera," katanya.

Beliau berkata, KKM akan memastikan kualiti latihan dan perkhidmatan, kompetensi pengamal dan pakar perubatan serta aspek keselamatan pesakit tetap terjamin apabila pindaan dibuat.

Isu *Parallel Pathway* menjadi tumpuan apabila Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) meminta Universiti Teknologi MA-

RA membenarkan kemasukan pegawai perubatan bukan Bumiputera yang ingin mendapatkan latihan khusus dalam bidang kardiotoraks sama seperti institusi itu menerima pelajar antarabangsa.

Ia selepas Majlis Perubatan Malaysia (MMC) menolak permohonan empat pakar bedah kardiotoraks untuk disenarai dalam Daftar Pakar Kebangsaan kerana Fellowship of Royal College of Surgeons of Edinburgh in Cardiothoracic Surgery (FRCS Ed) yang diperoleh mereka tidak diiktiraf.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 28
 RUANGAN : NEGERI

Kupang PD masih belum selamat dimakan

Hasil analisis kerangan itu masih dicemari biotoksin berbahaya

Oleh ZULHISHAM ISAHAK
 ISKANDAR PUTERI

Analisis sampel air dan kupang di perairan Port Dickson mendapati kandungannya masih dicemari biotoksin berbahaya dan tidak dibenarkan untuk dimakan.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, analisis terbaru mendapati bacaan toksinnya sudah semakin berkurangan dan menghampiri kadar piawaian standard yang ditetapkan iaitu 800 per bilion (ppb).

Jelas beliau, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) akan berterusan mengambil sampel air dan kupang dari perairan tersebut pada setiap dua minggu bagi mengesan kewujudan biotoksin berbahaya.

"Pihak DOF akan terus menjalankan pemantauan sehingga bacaan kembali ke paras normal dan selamat untuk dimakan.

"Kita juga membuat pengawasan bersama pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Sehingga kini larangan terhadap

Pihak DOF akan berterusan mengambil sampel air dan kupang dari perairan Port Dickson pada setiap dua minggu bagi mengesan kewujudan biotoksin berbahaya.



pengusaha kupang atau kerang untuk menjual kerang-kerangan atau dwi cangkerang dari Port Dickson masih terpakai demi keselamatan pengguna," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sidang akhbar selepas melancarkan Program Rasa-rasa Akuakultur dan Jelajah Unggulan Perikanan Negeri Johor Tahun 2024 di Kompleks Jabatan Perikanan Negeri Johor di sini pada Khamis.

Pada 2 April lalu, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS) memaklumkan lapan kes keracunan makanan berkaitan pengambilan kupang di Port Dickson.

Mengulas lanjut, Wan Muhammad berkata, bacaan pertama biotoksin

bagi kes tersebut antara 20,000 hingga 30,000 ppb, melebihi kadar piawaian ditetapkan.

Menurutnya, bacaan terkini yang diambil adalah antara 900 hingga 1,000 ppb di beberapa kawasan sekitar perairan itu dan menghampiri paras normal.

"Bagaimanapun, kita tidak mahu mengambil risiko dan larangan mengambil kerangan di kawasan itu masih berkuat kuasa kerana dikhuatiri menjejaskan kesihatan," katanya.

Tambah beliau, kerajaan Negeri Sembilan dan Pusat telah memberi ganti rugi dalam bentuk tunai kepada kira-kira 45 penternak kerang-kerangan yang terjejas pendapatan disebabkan isu tersebut.



WAN MUHAMMAD AZNAN

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Warga asing hutang bil hospital RM40j

Oleh **FITRI NIZAM**
fitri.nizam@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menanggung kerugian RM40 juta sehingga tahun lalu akibat warga asing yang tidak membayar bil perubatan di fasiliti kesihatan awam di seluruh negara.

Akibat kerugian tersebut dan kesesakan yang dialami di fasiliti kesihatan awam ketika ini, kerajaan dicadangkan menaikkan caj perubatan bagi warga asing dan hanya menerima pesakit bukan warganegara yang mempunyai insurans.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar berkata, beliau berpendapat caj munasabah untuk warga asing yang mendaftar untuk menerima rawatan di hospital awam sepatutnya dinaikkan kepada RM120 berbanding hanya RM40 ketika ini.

Bersambung di muka 5

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

Warga asing hutang bil hospital RM40j

Dari muka 3

Menurut beliau, jumlah itu paling munasabah bagi menampung peningkatan kos rawatan perubatan dan risiko kehilangan hasil yang tidak dapat dikutip seperti dialami KKM sebanyak RM40 juta sehingga tahun lalu.

Kata beliau, peningkatan caj bayaran terhadap warga asing juga secara tidak langsung dapat menyelesaikan masalah kesesakan di hampir semua kemudahan kesihatan kerajaan.

Pada masa sama, beliau berkata, KKM juga perlu menetapkan prosedur baharu di kemudahan kesihatan kerajaan supaya hanya mengambil pesakit warga asing yang memiliki perlindungan insurans sahaja.

"Terdapat dua perkara penting dalam isu membabitkan rawatan terhadap warga asing iaitu kos rawatan semakin tinggi dan hasil yang tak dapat di-

kutip dan kesesakan di kemudahan kesihatan kerajaan.

"Jalan penyelesaian yang boleh dipertimbangkan oleh kerajaan adalah menaikkan kadar bayaran sehingga tiga kali ganda dan membuat penetapan untuk merawat pesakit warga asing yang mempunyai perlindungan insurans sahaja.

"Sekiranya mereka tiada perlindungan insurans, warga asing ini perlu mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan swasta," katanya ketika dihubungi semalam.

Berdasarkan laman sesawang KKM, caj perubatan bagi warga asing di hospital, klinik kesihatan, dan klinik desa adalah RM40 sementara caj pakar RM120 manakala caj jabatan kecemasan RM100.

Mengulas lanjut, Dr. Zainal Ariffin berkata, hasil atau bayaran yang tidak dapat dikutip daripada warga asing menyebabkan kerajaan kehilangan hasil untuk membiayai

kos kesihatan warga tempatan.

"Jadi, untuk menyelesaikan masalah itu KKM perlu mengenakan deposit tinggi kepada warga asing yang mahu mendapatkan rawatan di fasiliti mereka dan memberikan perkhidmatan kepada memiliki insurans sahaja," katanya.

Sementara itu, bekas Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye turut memberikan pandangan sama bahkan mencadangkan supaya KKM mengenakan caj sebenar kos ditanggungnya untuk memberikan perkhidmatan rawatan kepada warga asing.

Bagaimanapun, beliau berkata, perlu ada kelonggaran diberikan kepada warga asing di Sabah memandangkan terdapat implikasi kesihatan yang tinggi di negeri tersebut sekiranya golongan berkenaan tidak diberikan perkhidmatan kesihatan.

"Pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah agak sukar un-

tuk dikawal khususnya membabitkan isu orang Sulu, jika tidak diberikan perkhidmatan kesihatan ia akan mengundang implikasi kesihatan seperti penularan penyakit berjangkit yang tidak terkawal.

"Bagaimanapun, di Semanjung, warga asing yang mahu mendapatkan rawatan di fasiliti kerajaan perlu membayar 100 peratus kos sebenar KKM tanpa sebarang subsidi," katanya.

Pada April lalu, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukmanism Awang Sauni memberitahu Dewan Negara, sejumlah 72,078 warga asing menerima rawatan di fasiliti kesihatan kerajaan pada tahun lalu dan sejumlah RM257 juta bayaran dikutip.

Bagaimanapun, katanya, jumlah keseluruhan bil perubatan yang tidak dibayar oleh warga asing di negara ini sehingga tahun lalu adalah berjumlah RM40 juta.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN



Wanted urgently – more organ donors

There are 9,455 patients on the waiting list for organ transplants and they outnumber organ donors. Pledges have gone down since last year, even after the launch of the digital registration feature on the MySejahtera app.

> See report on page 5 by SHYAFIQ DZULKIFLI

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

Fewer organ donor pledges now

Transplant wait list growing, with only 4,879 signing up so far this year

By SHYAFIQ DZULKIFLI
shyafiq@thestar.com.my

PETALING JAYA: The number of new organ donor pledges has plummeted since last year while the waiting list for lifesaving transplants continues to grow.

The introduction of a digital organ donation registration feature in the MySejahtera application in September 2022 led to an initial boost in sign-ups, according to figures from the government's data.gov.my and KKMNOW websites.

New pledges rose for the full year of 2022 to 51,825 from a mere 7,057 in 2021, but the surge did not last.

Last year saw registrations falling by 45% to 28,520 from 2022 with an even bigger drop so far this year.

There were only 4,879 pledges from January to April this year, down 61% from the 12,460 in the same period last year.

"The decrease in new pledges since last year could be because many Malaysians are no longer regularly using the MySejahtera app, or have already uninstalled the app," said National Transplant Resource Centre (NTRC) deputy director Dr Hasdy Haron.


He said that registration to be an organ donor can only be done via the MySejahtera app.

The app, introduced in 2020, was originally developed to help the authorities manage the Covid-19 outbreak.

MySejahtera has since been updated to include other health-related features including registrations to become an organ donor.

Selangor recorded the highest number of organ donor pledges last year at 8,275, followed by Johor (3,609) and Kuala Lumpur (3,167).

On a per capita basis, Kuala Lumpur ranked first last year with 2.32% of its population



pledging to donate their organs, followed by Putrajaya (2.11%), Penang (1.66%), Johor (1.35%) and Selangor (1.34%).

Of the 19,502 people who registered as organ donors over a one-year period from April 2023 to April 2024, those aged between 20 and 29 made up the biggest group at 7,401 (37.9%), followed by 30-39 at 5,892 (30.2%) and 40-49 (16.9%).

Amid the decline in the number of people pledging to donate their organs, the number of patients on the waiting list is rising.

According to the NTRC portal, 9,455 people are currently on the waiting list for organ donation and transplant as of April this year, up from 9,097 patients as of May last year.

Kidney patients make up the highest percentage of those needing organ transplants. They comprise 9,415 of the 9,455 on the waiting list.

Of that number, 8,979 are

adults who require kidneys while the remaining 436 are paediatric patients.

Despite the slowdown in new organ donor sign-ups, better efficiency in identifying existing donors has led to more transplant operations.

According to figures from the International Registry in Organ Donation and Transplantation (IRODaT), Malaysia recorded an improvement in its organ donation and transplantation rate last year.

For instance, the actual deceased organ donor rate improved to 1.25 donors per million population (pmp) last year from 0.70 donors pmp in 2022.


IRODaT data shows that the number of deceased donors last year was 43, up from 23 in 2022.

Improvements were also recorded in living organ donors (4.96 donations pmp), kidney transplants from deceased donors

Statistics of organ donation and transplantation in Malaysia (as of April 2024)

5,157 Current new total number of organ donor pledgers (2024)	32 Total number of actual deceased donors (2024)	385,695 Current new total number of organ donor pledgers since 1977
3,162 Total number of transplantation surgery from 1975	909 Total number of actual deceased donors since 1976	2,868 Total number of organs and tissues donated since 1976

Current transplant patients on waiting list



(2.39 transplants pmp) and living donors (4.81 transplants pmp), and liver transplants from deceased donors (0.73 donations pmp).

In terms of transplantation, there were 82 kidney and 25 liver transplants from deceased donors recorded last year, according to IRODaT.

Dr Hasdy said that the improved donation rate last year was likely due to better efficiency in terms of detecting deceased donors in time so that their organs could be procured for transplantation.

"We have at least 16 hospitals that have a Hospital Organ Procurement Unit (Upoh), which specialises in detecting and identifying individuals who have committed to donating their organs.

"After identifying the deceased who has pledged to become an organ donor, the unit will ask family members for their consent for organ donation.

"Although we are pleased with the increase in organ donors and transplantation rates last year, we are still striving to improve the figures," he added.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : VIEWS

12 Views

THE STAR, FRIDAY 7 JUNE 2024



YOUR OPINION

EMAIL: editor@thestar.com.my or
MAIL: The Editor, Menara Star, 15, Jalan
16/11, Section 16, 46350 Petaling Jaya.
Letters must carry the sender's full name,
address and telephone number.
A pseudonym may be included.

Encourage the elderly to get flu jabs

AS chairman of the Malaysian Influenza Working Group (MIWG), I noted with interest the recent announcement by Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad that his ministry is planning to provide free annual influenza vaccinations to elderly citizens under the National Immunisation Programme starting from 2025.

The announcement comes almost a year after MIWG, together with over 30 partner organisations, including the Malaysian Society of Geriatric Medicine and Academy of Family Physicians of Malaysia, initiated a petition to request government-funded influenza vaccinations for our senior citizens who are particularly vulnerable to influenza-related complications.

This is important because older persons experience a decline in immunity as they age and often do not show regular symptoms when infected by influenza.

Instead, they could experience other symptoms like a decline in overall health, increased risk of fall injuries and so on.

Influenza is not "just the flu". In fact, it can be deadly. And while everyone, including young and healthy people, are potentially at risk of influenza, it often takes a much heavier toll on older adults. All it takes is one infection to increase the risk of heart attack by 10 times and stroke (caused by a blood clot) by eight times.

Older persons are also more likely to experience complications such as pneumonia, inflammation of the heart and sepsis, which often require hospitalisation and may even lead to death. In fact, up to 70% of influenza-related hospitalisations and 85% of influenza-related deaths occur among those aged 65 years and above.

Furthermore, the risk of influenza-related deaths increases if patients have more than one non-communicable disease (NCD),

which is the case with many of our older adults. Risk of influenza-related death increases by 20 times in those with heart and pulmonary disease, five times in those with heart disease, and three times in those with diabetes. Furthermore, influenza infection could worsen or complicate NCD symptoms, such as exacerbation of diabetic symptoms, causing fluctuations in glucose levels.

Many countries, including Thailand, Laos, the Philippines and Singapore, have already begun offering free influenza vaccines to their elderly population.

While we look forward to this on our own shores, I urge Malaysians to take action sooner rather than later to protect themselves and their loved ones against influenza. The influenza virus circulates year round in a tropical climate like ours, so the threat is always present.

South-East Asia is ranked third highest in influenza-related

deaths, but only 2% to 3% of Malaysians are vaccinated against it. The influenza vaccine has been around for close to 80 years with extensive research supporting its safety record.

Protecting ourselves and our loved ones with a simple annual shot would help to reduce severe illness and its complications, the cost of treatment and management, as well as the corresponding burden on healthcare practitioners and resources.

Most importantly, influenza vaccinations can help to save lives.

Although the influenza vaccine is well established in many parts of the world, a recent Ipsos survey in Malaysia involving around 600 respondents aged 65 years and above highlighted that more education is needed to dispel common fears and misconceptions.

For example, 52% still believe that influenza is only a concern in

cold climates, and though 70% were aware that it can be prevented through vaccination, 64% were concerned about serious side effects and 28% thought the vaccine was not suitable for people their age.

In addition, 69% believed they were already protected by the Covid-19 vaccine! Hence, it is hardly surprising that vaccination ranked a lowly eighth place in self-care practices.

As a frontliner who sees firsthand the effects of heightened risk and complications from influenza among older adults, I call upon the entire community of healthcare professionals to continue to educate this vulnerable population about the benefits of getting their influenza jabs every year.

PROF DR ZAMBERI SEKAWI
Chairman
Malaysian Influenza
Working Group